

26 FEB 2001

MAHATHIR-GLOBALISASI

DR MAHATHIR MAHUKAN GLOBALISASI MENURUT ATURAN DUNIA BARU

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa diwujudkan globalisasi baru dalam order dunia baru yang lebih mengutamakan penduduk daripada keuntungan.

"Globalisasi baru yang kita mesti galakkan hendaklah benar-benar memberi ganjaran untuk keusahawanan dan kecemerlangan, turut menyumbang kepada order baru yang lebih adil, lebih penyayang, lebih murah hati, lebih lemah-lembut dan lebih belas kasihan," tegas beliau dalam ucapan pada persidangan antarabangsa mengenai globalisasi, anjuran bersama Kementerian Kewangan dan Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) di sini.

Beliau menekankan bahawa globalisasi baru yang patut dipupuk itu mestilah menyumbang kepada dan tidak menolak tatasusila dan etika yang lebih besar, kebebasan dan kemerdekaan yang lebih besar, persamaan dan saling menghormati, demokrasi produktif yang lebih besar dan hak-hak manusia yang lebih lengkap.

"Apa yang saya maksudkan dengan keadilan? Ia bukanlah satu perbezaan istimewa prinsip yang keramat dan bertamadun atau keistimewaan sementara yang diberikan kepada mereka yang lemah dan mudah dilukai, itu yang merupakan lambang kepada sistem global untuk sekian lama. Hari ini, apa yang kita minta ialah hak keadilan yang biasa.

"Begitulah keadilan. Bagaimana pula dengan penyayang dan belas kasihan dan globalisasi yang lebih produktif yang menumpukan kepada pembangunan di dalam dunia yang lebih murh hati dan lemah-lembut?" soal beliau.

Dr Mahathir berkata pada pelampau-pelampau (fundamentalis) pasaran dan ahli-ahli teologi globalisasi telah meninggikan konsep "siapa kuat dia berkuasa, kecekapan ekonomi, memaksimumkan keuntungan dan "membuat duit" sebagai asas yang paling penting dalam "agama" mereka.

Sudah terlalu kerap, beliau berkata, "siapa kuat dia berkuasa" bermakna "survival" bagi mereka yang kurang teragak-agak dan ia tidak bermakna "survival" itu merupakan yang terbaik dan paling dihargai.

Beliau berkata: "Kita mesti membuang hegemoni intelektual teologi-teologi globalisasi itu. Sudah tiba masanya untuk mengutamakan masyarakat berbanding keuntungan bagi menjamin agar dalam proses globalisasi, lebih ramai lagi yang mendapat manafaat daripada yang rugi."

Perdana Menteri berkata, sudah tiba masanya juga untuk mempunyai satu proses globalisasi baru yang berusaha lebih untuk memenuhi keperluan yang kaya-raya tetapi berusaha lebih keras untuk membantu mereka yang miskin.

Beliau berkata, masanya sudah tiba untuk menentukan bahawa pembangunan dijadikan pusat agenda global sebagai matlamat utamanya.

"Sudah tiba masanya untuk kita memperbetul pemikiran, membezakan antara cara dan penyelesaiannya, menjamin yang semua orang faham bahawa liberalisasi perdagangan dan pelaburan, pemasaran dan daya saing, keseluruhan agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) adalah jalan-jalan ke arah penyelesaian muktamad pembangunan manusia."

Dr Mahathir berkata beliau menyedari yang globalisasi baru dalam order baru baru yang didokongnya merupakan satu paradgima baru.

"Hakikat bahawa mereka menolak paradigma baru ini patut memperkukuhkan usaha dan keyakinan kita," tegasnya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, janganlah timbul salah faham dengan menyifatkan beliau sebagai seorang yang mendokong pemansuhan sistem pasaran, penolakan kapitalisme dan menentang globalisasi.

Beliau berkata: "Tolong, jangan silap. Saya tidak mendokong pemansuhan

sistem pasaran. Saya tidak mendokong penolakan kapitalisme. Saya tidak mendokong penentangan kepada globalisasi.

"Saya mesti mengaku iaitu saya percaya kepada sistem pasaran. Percaya kepada sistem kapitalis dan juga percaya kepada globalisasi.

"Anda lihat sahaja di sekeliling anda, kepada Malaysia hari ini."

Bagi menjelaskan lagi bagaimana terbuka dan globalnya Malaysia, Dr Mahathir menggariskan beberapa pencapaian atau kejayaan Malaysia menerusi usaha yang bersungguh-sungguh dalam tempoh dua dekad.

Beliau berkata dalam tahun 1999, eksport Malaysia dan import daripada dunia menguasai, masing-masing 114 peratus dan 83 peratus daripada jumlah keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Daripada sudut perdagangan pula, Malaysia, 10.8 kali lebih global berbanding dengan Amerika Syarikat, sementara jika dibandingkan jumlah pelancong dan penduduk pula, dianggarkan dua kali ganda, lebih ramai pelancong melawat Malaysia daripada ke AS, tambah beliau.

Dr Mahathir berkata para pelabur asing memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi Malaysia berbanding dengan sumbangan mereka kepada AS, dengan bank-bank asing di Malaysia menguasai 29 peratus daripada aset perbankan dalam tahun 1999 dan 31.32 peratus daripada semua pinjaman bank.

Secara ringkasnya, bank-bank asing memainkan peranan tiga kali ganda di Malaysia berbanding dengan peranan mereka di AS, tambah perdana menteri.

Beliau juga berkata pekerja-pekerja asing menguasai 20 peratus daripada tenaga kerja di Malaysia dan di AS, (jika betul-betul amalkan sistem terbuka), kemasukan lebih daripada 25 juta pekerja asing diperlukan dengan segera ke negara itu.

Beliau menyedari yang rakyat Malaysia menonton filem-filem Amerika dan asing, membaca suratkhbar dan majalah asing dalam pelbagai bahasa.

Beliau berkata: "Saya tertanya-tanya berapa ramaikah rakyat Malaysia yang tidak tahu di mana Little Rock, Arkansas ataupun nama-nama presiden Amerika.

"Dalam pada itu, saya juga tertanya-tanya berapa ramaikah rakyat Amerika yang mengetahui nama pemimpin atau maharaja China dalam tempoh 2,000 tahun lepas, ataupun nama pemimpin-pemimpin rantau Asia Tenggara.

"Ada juga tahun-tahun di mana lebih ramai pelajar Malaysia belajar di institusi-institusi tinggi asing berbanding dengan di Malaysia."

Dr Mahathir berkata, beliau memilih AS untuk dijadikan perbandingan kerana statistik negara itu telahpun sedia ada dan kerana "AS, secara jelasnya telahpun menyokong globalisasi, walaupun jika dibandingkan ekonomi dan masyarakatnya bukan global.

Beliau juga berkata, Malaysia, yang telah meningkat begitu ketara dalam tempoh dua dekad lepas, menghapuskan kapitalisma kenegerian dan bergerak ke arah sektor penswastaan, dan telah memasuki era global secara tersendirinya, boleh mengutarakan beberapa pengalaman dan kesahihan sistem pasaran, kapitalisma dan globalisasi.

"Sebagai seorang yang rasa agak bersalah dalam memasarkan, menswasta dan menggerakkan ekonomi dan masyarakat Malaysia ke arah global, mungkin, saya juga boleh bercakap menerusi pengalaman dan kesahihan."

Di sebalik ketidak sempurnaan, kelemahan dan bahaya yang ketara ini, Dr Mahathir berkata pendasar kepada sistem ini, kapitalisma dan globalisasi mempunyai kebajikannya.

Bagaimanapun, beliau melahirkan kebimbangan yang sistem pasaran keseluruhan jika tidak diiringi dengan rasa tanggungjawab dan ketamadunan, ia boleh memberi ancaman kepada manusia. -- BERNAMA

MK MAD MFJ SD AA OS